

<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p><b>Notis Penting:</b> Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon produk/perkhidmatan perbankan ini. Jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau kandungannya, anda boleh meminta penjelasan daripada CIMB Bank Berhad ("Bank"). Lembaran Pendedahan Produk ini selanjutnya tertakluk pada Terma dan Syarat Kad SME BusinessCard CIMB berkaitan dengan produk ini yang boleh didapati di laman web di <a href="http://www.cimb.com.my">www.cimb.com.my</a>.</p>	<p><b>CIMB Bank Berhad</b>  <b>SME BusinessCard CIMB</b>  <b>Tarikh: 15 September 2021</b></p>
<p><b>1. Produk ini berkaitan apa?</b></p> <p>Kemudahan Kad SME BusinessCard CIMB merupakan program kemudahan kad kredit ("Kemudahan Kad Korporat") tanpa mata ganjaran atau pulangan wang tunai yang diberikan oleh pihak Bank kepada Korporat atau entiti perniagaan ("Korporat").</p> <p>Di bawah Kemudahan Kad Korporat, Korporat boleh meminta pihak Bank untuk mengeluarkan kad kredit CIMB Bank Berhad ("Kad") kepada pekerjaan atau penama lain yang diberi kuasa ("Pemegang Kad").</p> <p>Jika apa-apa amaun kredit yang digunakan oleh Pemegang Kad tidak dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh genap tempoh oleh Korporat, jumlah yang belum dijelaskan akan tertakluk pada caj kewangan. Korporat bertanggungan sepenuhnya bagi semua bayaran yang ditanggung pada Kad oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad tidak menanggung apa-apa liabiliti bagi caj yang ditanggung pada Kad.</p> <p>Jika perlu, Bank boleh menghendaki Korporat untuk meletakkan deposit tetap dengan Bank pada jumlah yang bersamaan had kredit yang diberikan kepada Kemudahan Kad Korporat. Deposit tetap ini perlu dikekalkan selagi Kemudahan Kad Korporat tersedia kepada Korporat.</p>	
<p><b>2. Apakah faedah yang boleh kami nikmati daripada produk ini?</b></p> <p><b>Had Kredit:</b> Keputusan tertakluk kepada budi bicara pihak Bank.</p> <p><b>Caj kewangan:</b> Seperti yang dinyatakan di bawah.</p> <p>(a) <b>Pembelian Runcit:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) 1.25% sebulan atau 15% setahun jika pihak Korporat telah menjelaskan pembayaran minimum yang perlu dibayar dengan segera untuk 12 bulan berturut-turut;</li> <li>(ii) 1.42% sebulan atau 17% setahun jika Korporat telah menjelaskan pembayaran minimum yang perlu dibayar untuk sekurang-kurangnya 10 bulan dalam kitaran 12 bulan; dan</li> <li>(iii) 1.50% sebulan atau 18% setahun jika rekod pembayaran Korporat sama ada tidak (i) atau (ii) di atas. Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah untuk transaksi runcit, Korporat harus membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera pada 12 bulan yang lalu.</li> </ul> <p>(b) <b>Pendahuluan Tunai:</b></p> <p>Caj kewangan untuk transaksi tunai ialah 1.5% sebulan atau 18% setahun. Amaun pendahuluan tunai yang Pemegang Kad boleh keluarkan atau mohon tertakluk pada had kredit dalam akaun Kad atau 40% daripada had Kad kredit; mana-mana yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, tertakluk pada: (i) had pengeluaran yang terpakai bagi mana-mana ATM Bank atau mana-mana bank atau institusi lain yang dengannya pihak Bank mempunyai pengaturan untuk penggunaan ATM bank atau institusi tersebut sekiranya pengeluaran tunai melalui ATM; dan (ii) pengeluaran tunai pada satu-satu masa tidak menyebabkan agregat baki yang belum dijelaskan bagi kewajipan Pemegang Kad kepada pihak Bank melebihi had kredit yang ditentukan.</p>	
<p><b>3. Apakah tanggungjawab kami?</b></p> <p><b>Bayaran bulanan minimum</b></p> <p>5% daripada Baki Semasa* + 100% cukai perkhidmatan dan apa-apa cukai nilai tambahan (jika ada) + 100% daripada semua ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk mana-mana program/pengaturan yang dikendalikan oleh pihak Bank (jika ada) + apa-apa pembayaran minimum tidak dibayar yang dinyatakan dalam penyata bulanan sebelum ini; atau RM50, mana-mana yang lebih tinggi.</p> <p>*Baki Semasa = amaun transaksi runcit (jika ada) + amaun pendahuluan tunai (jika ada) + caj kewangan dan/atau fi</p>	

bagi pembayaran lewat dan apa-apa fi dan caj lain yang terpakai (jika ada) untuk Kad.

**Tempoh percuma caj kewangan:**

- Bagi transaksi runcit baharu - Korporat akan menikmati 20 hari tempoh percuma caj kewangan dari tarikh penyata, hanya jika pihak Korporat membayar baki sepenuhnya dan pada masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, jika pihak Korporat tidak membayar sepenuhnya dan pada masa yang ditetapkan, caj kewangan bagi transaksi runcit sedemikian akan dikira dari hari transaksi dicatatkan.
- Tidak ada tempoh percuma caj kewangan bagi pemindahan baki atau pendahuluan tunai. Pihak Korporat bertanggungan bagi semua transaksi yang ditanggung oleh Pemegang Kad.

**Obligasi: Pihak Korporat dan Pemegang Kad mempunyai obligasi untuk:**

- mematuhi terma dan syarat penggunaan Kad;
- mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan Kad dan PIN selamat pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman. Ini termasuk tidak:
  - mendedahkan butiran kad kredit atau PIN kepada mana-mana orang lain;
  - menulis PIN pada Kad, atau pada apa-apa sahaja yang disimpan berhampiran dengan Kad;
  - menggunakan PIN yang dipilih dari tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor hubungan Pemegang Kad;
  - memberarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan Kad dan PIN;
- memaklumkan pihak Bank secepat yang munasabah selepas mendapat tahu bahawa Kad telah hilang, dicuri, transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN mungkin telah terjejas;
- memaklumkan pihak Bank dengan segera selepas menerima amaran transaksi khidmat pesanan ringkas (SMS) jika transaksi tersebut berlaku tanpa kebenaran;
- memaklumkan pihak Bank dengan segera tentang apa-apa perubahan dalam nombor hubungan;
- menggunakan Kad dengan penuh tanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk aktiviti yang menyalah undang-undang; dan
- menyemak penyata akaun dan melaporkan apa-apa percanggahan tanpa kelengahan yang tidak wajar.

**4. Apakah fi atau caj yang perlu kami bayar?**

**Fi Langganan Tahunan**

Kad SME BusinessCard CIMB	Dikecualikan
---------------------------	--------------

**CIMB Bank**

<b>Fi Pendahuluan Tunai</b>	Fi pendahuluan tunai ialah 5% daripada jumlah yang didahulukan atau minima RM15.00 yang mana-mana lebih tinggi. Ini dikenakan bagi setiap urusniaga pendahuluan tunai
<b>Fi Pemindahan Baki</b>	Tidak berkenaan
<b>Fi Telebih Had</b>	Tidak berkenaan
<b>Fi Penggantian Kad</b>	RM10 untuk gantian pertama & RM50 untuk setiap gantian seterusnya
<b>Fi Cek Tendang</b>	Tidak berkenaan
<b>Fi Cetak Semula Draf Jualan</b>	RM14.15 setiap salinan

**CIMB Bank**

<b>Fi Permintaan Penyata Tambahan</b>	RM5.00 setiap penyata bulanan
<b>Fi dan Caj Lain</b>	Tidak berkenaan
<b>Tukaran Bagi Urusniaga Luar Negera</b>	Kadar penukaran adalah tertakluk kepada ketetapan Mastercard® International dengan kos pentadbiran sebanyak 1% termasuk yuran transaksi yang dikenalkan oleh Mastercard®

## Cukai

Pihak Korporat hendaklah bertanggungan bagi apa-apa cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan sebanyak RM25 yang akan dikenakan semasa pengaktifan setiap Kad baru yang dikeluarkan, dan akan dikenakan setiap tahun pada bulan ulang tahun setiap tahun berikutnya atau sebahagiannya. Bagi Pemegang Kad sedia ada, cukai perkhidmatan sebanyak RM25 akan dikenakan semasa pembaharuan tahunan setiap Kad yang dikeluarkan) dan apa-apa fi, perbelanjaan atau rekursa lain berhubung dengan atau yang berbangkit daripada Kad yang dikeluarkan kepada Korporat atau mana-mana akaun atau perkhidmatan yang berkaitan dengannya dan Korporat memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebit akaun Kad untuk jumlah yang sama.

## 5. Bagaimanakah jika kita gagal memenuhi obligsi kita?

**Caj bagi Pembayaran Lewat:** Jika pihak Korporat tidak membuat pembayaran minimum yang perlu dibayar sebelum tarikh akhir pembayaran, pihak Bank akan mengenakan Korporat caj bagi pembayaran lewat sebanyak 1% pada baki yang tidak dibayar yang berbangkit daripada transaksi runcit dan pendahuluan tunai tertakluk pada minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00.

Walau bagaimanapun, pihak Bank akan memberi pihak Korporat suatu tempoh tangguh selama empat (4) hari kalender selepas tarikh akhir pembayaran yang tarikh akhir pembayaran jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.

**Hak untuk Mengurangkan Hutang:** Pihak Bank mempunyai hak untuk mengurangkan hutang apa-apa baki kredit dalam akaun pihak Korporat yang diselenggara dengan kami terhadap apa-apa baki yang belum dijelaskan dalam Kemudahan Kad Korporat dengan memaklumkan Korporat sekurang-kurangnya 7 hari kalender terlebih dahulu hasrat kami untuk mengurangkan hutang. Pada masa yang sama, pihak Bank mempunyai hak untuk menguntukkan dana tersedia Korporat bagi tujuan ini.

**Tindakan yang boleh pihak Bank ambil:** Tindakan undang-undang juga boleh diambil terhadap pihak Korporat jika pihak Korporat tidak meneruskan pembayaran balik pada baki Kemudahan Kad Korporat. Pihak Bank juga boleh (tetapi tidak mempunyai obligasi untuk):

- menghubungi pihak Korporat atau Pemegang Kad untuk mengingatkan Korporat atau Pemegang Kad untuk membayar amaun yang belum dijelaskan;
- menghantar peringatan kepada pihak Korporat atau Pemegang Kad anda melalui surat, khidmat pesanan ringkas atau e-mel; atau
- meminta kakitangan pihak Bank dan/atau agensi pemungutan hutang disumber keluar untuk melawat pihak Korporat di tempat perniagaan untuk mengingatkan pihak Korporat tentang obligasi pembayaran Korporat.

Pihak Bank boleh menguntukkan apa-apa wang yang pihak Korporat miliki dalam akaun Korporat dengan pihak Bank dan melaksanakan kuasa pihak Bank untuk mengurangkan hutang bagi wang ini dan/atau menyenaraihitamkan nama pihak Korporat dengan mana-mana agensi atau biro atau pangkalan data kredit.

Sila ambil perhatian bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk melantik ejen luar untuk memungut hutang yang terhutang kepada pihak Bank dan untuk menjual hutang pihak Korporat yang terhutang kepada pihak Bank kepada pihak ketiga.

**Liabiliti untuk transaksi tanpa kebenaran:** Pihak Korporat dan Pemegang Kad akan bertanggungan untuk:

- (a) transaksi tanpa kebenaran berdasarkan PIN jika Pihak Korporat dan/atau Pemegang Kad telah:
  - (i) bertindak secara fraud;
  - (ii) lengah dalam memaklumkan pihak Bank secepat yang munasabah selepas mendapat tahu kehilangan atau penggunaan Kad tanpa kebenaran;
  - (iii) mendedahkan secara sukarela PIN kepada orang lain; atau
  - (iv) mencatatkan PIN pada Kad, atau pada apa-apa sahaja yang disimpan berhampiran dengan Kad;
- (b) transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad kredit tanpa sentuh, jika Pihak Korporat dan/atau Pemegang Kad telah:
  - (i) bertindak secara fraud;
  - (ii) lengah dalam memaklumkan pihak Bank secepat yang munasabah selepas mendapat tahu kehilangan atau penggunaan Kad tanpa kebenaran;
  - (iii) meninggalkan Kad atau suatu item yang mengandungi Kad tanpa pengawasan, di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
  - (iv) dengan sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad.

**Penggantungan atau penamatkan Kad:** Jika pihak Korporat gagal dalam pembayaran baliknya atau Korporat dan/atau Pemegang Kad melanggar mana-mana terma dan syarat penggunaan Kad, pihak Bank boleh menggantung atau

menamatkan Kad dan/atau Kemudahan Kad Korporat tersebut dan boleh memutuskan untuk tidak mengembalikan semula Kad walaupun Korporat telah mengatur akaunnya.

Jika pihak Korporat dan/atau Pemegang Kad menggunakan Kad untuk apa-apa tujuan yang tidak dibenarkan atau dengan cara yang tidak dibenarkan (cth. untuk tujuan perjudian dalam talian, aktiviti yang menyalahi undang-undang, membenarkan orang lain menggunakan kad dll.) kami boleh menamatkan Kad dan/atau Kemudahan Kad Korporat tersebut dengan segera.

**Penggunaan Kad dan Nombor Pengenalan Diri (PIN):** Pemegang Kad mempunyai kewajipan ketat untuk menyimpan Kad dan/atau PIN-nya secara selamat pada setiap masa dan untuk mencegah kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad secara fraud dan untuk mencegah pendedahan PIN. Pihak Korporat dan Pemegang Kad mesti melaporkan apa-apa kehilangan dan/atau kecurian Kad atau pendedahan PIN kepada pihak Bank dan kepada polis dengan segera diikuti oleh pengesahan bertulis kepada Bank CIMB bersama-sama dengan satu salinan laporan polis dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kehilangan dan/atau kecurian dan/atau pendedahan PIN tersebut. Korporat boleh dipertanggungkan bagi apa-apa transaksi tanpa kebenaran sekiranya pihak Korporat atau Pemegang Kad gagal untuk berbuat demikian.

**Penyata Bulanan:** Pihak Korporat mesti menyemak penyata bulanannya dengan teliti dan segera. Apa-apa percanggahan mesti dilaporkan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari kalender kerana kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan Korporat hilang haknya untuk mempertikaikan percanggahan itu.

## **6. Apakah risiko-risiko utamanya?**

Jika pihak Korporat membayar hanya amaun minimum yang kena dibayar, ia akan mengambil masa yang lebih lama dan kos yang lebih untuk menjelaskan baki yang belum dijelaskan. Fikirkan tentang keupayaan pembayaran balik apabila menggunakan Kad.

Caj kewangan yang dikenakan pada baki yang belum dijelaskan untuk Kad ini adalah berdasarkan struktur penentuan harga bertingkat menurut sejarah pembayaran balik Korporat.

Jika pihak Korporat mempunyai masalah untuk membayar balik baki Kadnya, hubungi pihak Bank terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

Pihak Korporat dan Pemegang Kad hendaklah memaklumi pihak Bank dengan segera selepas mendapat tahu bahawa Kad tersebut hilang, dicuri, transaksi tanpa telah berlaku atau PIN mungkin telah terjejas.

## **7. Apa yang perlu kami lakukan sekiranya terdapat perubahan pada nombor telefon atau alamat surat-menyurat?**

Adalah penting bagi pihak Korporat dan Pemegang Kad memaklumi pihak Bank untuk mengemaskini data yang terlah berubah supaya pihak Korporat dan Pemegang Kad dapat dihubungi dengan kadar segara.

## **8. Di manakah kami boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?**

Sekiranya pihak Korporat dan/atau Pemegang Kad memerlukan maklumat tambahan mengenai Kad, sila rujuk kepada risalah maklumat perbankan mengenai "Kad Kredit", yang boleh didapati di seluruh negara dan laman web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my) atau log masuk ke [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my).

Jika Korporat dan/atau Pemegang Kad mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi +603 6204 7788 atau kunjungi mana-mana cawangan Bank CIMB di seluruh negara. E-mel [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com).

## **9. Produk kad kredit lain yang boleh didapati**

Sila rujuk laman web CIMB Bank [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) Corporate Card Solutions.

## **10. Notis sekiranya pelanggan membuat bayaran minimum bulanan sahaja**

Jadual yang berikut menjelaskan jumlah faedah yang ditanggung dan tempoh pembayaran bagi senario baki belum dijelaskan yang berlainan jika pihak Korporat meneruskan untuk membayar hanya amaun minimum. Pengiraan adalah berdasarkan pembayaran minimum 5% atau RM50, mana-mana yang lebih tinggi, pada caj kewangan sebanyak 18% dengan syarat tidak ada transaksi yang baharu. Pengiraan ini berdasarkan 30 hari sebulan.

**Contoh di bawah senario amaun belum dijelaskan yang berlainan**

Baki Belum Jelas (RM)	Pembayaran (RM)	Tempoh Pembayaran (Bulan)	Jumlah Faedah yang Dikenakan (RM)
3,000	Min Pay 150	55	1,055
	Pay 250	14	333
5,000	Min Pay 250	69	1,912
	Pay 350	17	670
10,000	Min Pay 500	88	4,055
	Pay 600	20	1,594

**11. Dimanakah kami boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?**

Jika pihak Korporat mempunyai kesukaran untuk membuat pembayaran balik, pihak Korporat harus menghubungi pihak Bank secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Pihak Korporat boleh menghubungi pihak Bank di:

**Unit Penyelesaian Pelanggan**

Alamat : Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan, Malaysia

Tel. : +603 6204 7788

E-mel : [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)

Jika pihak Bank tidak menyelesaikan pertanyaan atau aduan pihak Korporat dan Pemegang Kad dengan memuaskan, Korporat dan Pemegang Kad boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel. : 1 300 88 5465

Faks : +603 2174 1515

E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberikan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturkan hutang untuk PKS. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Tel. : +603 2616 7766

E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

**NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBAYAR BALIK HUTANG KAD KREDIT ANDA DENGAN SEWAJARNYA.**

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 15 September 2021.